

Melihat Tanah Air


Ibrahim Haji Yaacob
(IBHY)

Pengenalan, Suntingan, dan Anotasi

Shahriman Jamalullayl
M.Hussin Abd

51004992
IBR





Ibrahim Haji Yaacob @ IBHY @ Dr. Iskandar Kamel

Sumber: Abdul Latiff Abu Bakar. 1984.

Abdul Rahim Kajai Wartawan dan Sasterawan Melayu.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Melihat Tanah Air

Ibrahim Haji Yaacob
(IBHY)

Pengenalan, Suntingan dan Anotasi

Shahriman Jamalullayl

M.Hussin Abd

PUSTAKA PERDANA



1013616

Wacana

 **AS-SIDDIQ**
CONSULTANCY

Batu Gajah
Ipoh



Cetakan Pertama (Jawi), 1941.
Cetakan Kedua (Rumi), 1975, diterbitkan oleh Percetakan Timur, Kuantan.
Cetakan Pertama Pengenalan, Suntingan & Anotasi, 2024.

© Hak Cipta Pengenalan, Suntingan & Anotasi,
Shahriman Jamalullayl & M.Hussin Abd, 2024.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh
didapati dari Perpustakaan Negara
Malaysia
ISBN: 978-967-17803-3-6

Diterbitkan oleh:

WACANA

(rumah penerbitan milik Toko Buku Azbakia)

Bazaar Mara Batu Gajah

No. 11 & 12, Jalan Besar

31000 Batu Gajah, Perak

T/WhatsApp: 016-8812884

(Shuib Bashiran)

E: tokobukuazbakia@gmail.com

Dengan kerjasama:

AS-SIDDIQ CONSULTANCY

D/A: The Club House @

Villa Asy-Syariff

No. 112, Jalan Lapangan Terbang

Taman Lapangan Terbang

31350 Ipoh, Perak.

Direka bentuk dan dicetak oleh:

PERUSAHAAN TUKANG BUKU KM

8, Jalan Puteri 2A/6

Bandar Puteri Bangi

43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA

T: 03-8928 9899 E: ibu.pejabat@tukangbuku.com

WhatsApp/Telegram: +6 019 439 8519

www.tukangbuku.com

959.51004992

DAFTAR ISI

Pengenalan Penyunting	vii
Kata Pendahuluan Pertama	1
Kata Pendahuluan Kedua.....	5
Kata Pengantar	7
“ORANG-ORANG SAYA”: BUMIPUTERA SEMENANJUNG.....	13
DI MANA ORANG-ORANG MELAYU?.....	15
KERJASAMA SEMUA BANGSA.....	17
Tiada Pengelolaan?.....	19
Melayu Raya – Melayu Merdeka.....	20
PERASAAN KEBANGSAAN MELAYU.....	21
Melayu Malas?.....	23
CARA-CARA PERTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU	29
TINJAUAN DI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN PERSEKUTUAN.....	35
Mesyuarat Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur	35
Mesyuarat Negeri Melayu Bersekutu	37
Perak	37
Selangor	37
Negeri Sembilan	38
Pahang	38
Mesyuarat Negeri Selat	39

Mesyuarat Negeri Melayu	
Tidak Bersekutu.....	41
Johor	41
Kedah	43
Perlis	45
Kelantan	45
Terengganu	46
BAGAIMANA NEGERI-NEGERI MELAYU DIBUKA?	47
AKIBAT MEMBUKA NEGERI MELAYU	53
DESAKAN PEMODAL LUAR	55
Orang Melayu Terdesak?	56
KEHIDUPAN UMUM UMAT MELAYU DI SEMENANJUNG	61
Negeri-Negeri di Barat Semenanjung (Negeri Sembilan, Selangor dan Perak).....	62
Pelajaran	72
Persatuan	73
Negeri-Negeri di Utara Semenanjung (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis).....	74
Pulau Pinang.....	74
Kedah	77
Perlis.....	83
Negeri-Negeri di Timur Semenanjung (Pahang, Kelantan dan Terengganu).....	89
Kisah Perjalanan Saya di Timur Semenanjung:.....	90
Masuk ke Negeri Pahang.....	90
Kehidupan Orang Melayu Pahang	95
Pelajaran	101
LAMPIRAN GAMBAR	105

PENGENALAN PENYUNTING

USAHA MENERBITKAN KEMBALI BUKU *MELIHAT TANAH AIR* adalah untuk mengenang dan mendedahkan kembali kepada generasi hari ini buah fikiran dan gagasan pemikiran yang tertuang di dalam buku ini oleh pengarangnya, Ibrahim Haji Yaacob (1910-1979). Nama Ibrahim Haji Yaacob (IBHY) bukanlah nama yang asing di pentas sejarah tanah air khususnya apabila membicarakan tentang perjuangan membela nasib orang Melayu, penyatuan orang Melayu dan kemerdekaan di bawah seruan dan gagasan Melayu Raya sekitar tahun 1930-an.

Pada tahun 1940, IBHY telah mengambil keputusan untuk mengembara dan menjelajah seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Antara tujuan dan matlamat misi penjelajahan ini adalah untuk menyelidik hal ehwal dan nasib bangsa Melayu yang hidup dalam kemunduran dan ‘terdesak’ – ungkapan yang beliau gunakan – dan menimba pengalaman dalam pergaulan dalam kalangan orang kebanyakan dan juga pembesar serta pemuka-pemuka masyarakat dalam setiap negeri yang beliau kunjungi.

Usaha gigih yang beliau lakukan ini, malah julung-julung kali dilakukan oleh anak watan Malaya – sebagaimana dakwaan beliau – sangat penting untuk beliau bekerja dan mengatur gerak kerja berkhidmat kepada bangsa dan tanah air apatah lagi beliau telah menyandang jawatan sebagai Presiden Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938 di samping juga seorang wartawan akhbar. Hasil penjelajahan selama dua tahun, bermula tahun 1940–1941, beliau bukukan sebagai ‘mini memoir’ yang diberi nama “Melihat Tanah Air”. Beliau telah menyasarkan penjelajahan

'berkeliling' Semenanjung Tanah Melayu atas dua tujuan iaitu; menggerakkan kesedaran nusa bangsa Melayu agar bersatu dan membangunkan persatuan, dan menyelidiki hal ehwal kehidupan dan ekonomi orang Melayu yang terabai di bawah pemerintahan penjajah dan dalam waktu yang sama, hasil mahsul negeri dinikmati oleh kaum pemodal dan bangsa asing. Berpandukan pengalaman inilah IBHY menggerakkan matlamat beliau berkhidmat kepada bangsa dan tanah airnya tercinta dalam wadah perjuangan KMM.

Buku *Melihat Tanah Air* bukanlah satu-satunya tulisan IBHY kerana beliau turut aktif menulis rencana-rencana yang telah tersiar di akhbar-akhbar pada akhir 20-an dan awal 30-an, khususnya ketika beliau menjadi penuntut di MPSI dan penulis sambilan di akhbar *Majlis*. Buku ini pada awalnya terbit pada tahun 1941 dalam edisi Jawi dan telah diharamkan oleh pemerintah Inggeris ketika itu kerana tersisip di sana sini isi kandungannya mengkritik penjajah Inggeris. Buku ini hampir langsung dilupakan sama sekali kerana telah hilang dari capaian pembaca sehinggalah ia ditemui semula pada tahun 1970.

Setelah diberi nilai tambah dan diperbaiki isi kandungannya oleh IBHY pada tahun 1971 di Jakarta, di bawah penerbitan Percetakan Timur, Kuantan, Pahang dan atas daya usaha Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) yang juga rakan seperjuangan IBHY, *Melihat Tanah Air* diterbitkan kembali pada tahun 1975.

Akibat peredaran masa dan hilang kepedulian masyarakat umum pembaca, buku ini setelah itu kembali hilang dari rada pembaca apatah lagi pasaran buku. Sehingga kini, buku ini layak dikategori sebagai buku nadir dan langka. Bukan hanya dalam kalangan pembaca umum ia tidak diperkatakan lagi malah dalam dunia penyelidikan sejarah tanah air, buku ini sudah terlepas dari capaian untuk dirujuk sebagai kutipan; isi kandungannya, dan juga untuk catatan bahagian nota kaki dan bibliografi kajian.

Kini, *Melihat Tanah Air* kembali menemui khalayak pembaca tanah air dengan wajah yang baharu dan susun atur yang dikemas kini semula. *Melihat Tanah Air* edisi terbaharu masih mengekalkan gaya bahasa pengarangnya. Laras bahasa, pemilihan kata dan gambar masih dikekalkan bagi menjamin keaslian karya pengarang. Namun dalam edisi ini, beberapa penyuntingan telah dilakukan bagi menyelaraskan ejaan, pembetulan ejaan dan istilah, menstrukturkan semula beberapa perenggan, topik dan sub topik, penambahan gambar dan peta yang punyai kaitan dengan perbahasan buku. Gambar dan peta yang dilampirkan, dinyatakan sumber ambilan berbanding gambar sedia ada, hanya diberi olahan ulasan baharu – jika perlu – atau dikekalkan ulasan sedia ada.

Beberapa ulasan tambahan daripada kerja suntingan baharu diberikan, mengikut keperluan dengan menggunakan kaedah nota kaki. Manakala ulasan-ulasan asal di bahagian nota kaki daripada penerbit sebelum ini dikekalkan seperti sedia ada, yang ditandai dengan aksara ‘PT’ – merujuk Percetakan Timur.

Semoga penerbitan semula buku ini melebarkan lagi maklumat dan bacaan sejarah tanah air.

Shahriman Jamalullayl
M.Hussin Abd
Batu Gajah, 16 Mei 2024



*Gambar 2: Muka judul buku *Melihat Tanah Air*, terbitan Percetakan Timur (1975)*

Sumber: Koleksi Mohd. Niraimijar Mohd. Ali

Ibrahim Yaakob (IBHY) mula berminat dengan politik sejak belajar di SITC pada tahun 1928. Dengan galakan daripada Za'ba, Cigu Harun Amin dan Ahmad Bakhtiar serta pendedahan kepada bahan-bahan bacaan dari Indonesia, semangat kebangsaan IBHY mula berputik dan terus membakar jiwanya. Buku beliau 'Melihat Tanah Air' menggambarkan wajah politik jiwanya. Bibit politiknya jelas terjelma apabila beliau menerajui Ikatan Pelajar SITC di sini yang matlamatnya ialah memperjuangkan nasib orang Melayu. Pada tahun 1937, beliau menjadi Pengarang Akhbar Majlis dan sekali gus beliau menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang bertujuan bagi mengusir penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Sebagai salah seorang anggota Angkatan Pemuda Insaf (API) beliau terlibat lebih jauh lagi ke dalam arena politik kiri Melayu.

Melalui buku *Melihat Tanah Air*, Ibrahim Yaakob (IBHY) telah mengkritik dengan keras penjajahan Inggeris. Tindak balas dari pihak Inggeris begitu cepat lalu Kesatuan Melayu Muda diharamkan. Namun begitu semangat juang anti penjajah Ibrahim Yaakob tidak mudah luntur. Beliau kemudiannya terus menyelar Inggeris melalui akhbar *Warta Melaya* sehingga menyebabkan beliau dipenjarakan. Setelah bebas, beliau kemudiannya terus menetap di Indonesia dan menjadi persona non grata di tanah air sendiri.

*Gambar 3: Keratan kata penghargaan ke atas Ibrahim Haji Yaacob dan buku *Melihat Tanah Air*.*

*Sumber: Abu Bakar Nordin, Mohammad Nazari, Ridzuan Abd Kadir. 2000. *Meniti Zaman SITC – MPSI – IPSI – UPSI*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.*

KATA PENDAHULUAN PERTAMA

SETELAH MENGHADAPI SATU TANGGUNGAN yang berat bagi diri saya, iaitu hendak memulihkan semula akhbar *Majlis*¹ di Kuala Lumpur yang seumpama lampu kekurangan minyak, dua tahun setengah lamanya saya mencuba menjalankan daya upaya, tetapi selain daripada dapat menjadikan akhbar itu milik kepada Syarikat Kebangsaan Melayu Berhad (*Limited Company*) dan menjadikannya akhbar harian pada akhir tahun 1939 (dahulunya akhbar *Majlis* terbit 3 kali seminggu) tidaklah ada kejayaan saya lagi.

Maka pada akhir bulan Mei 1940, saya dapati usaha yang saya jalankan itu tidak berkehendakkan saya meneruskannya. Seruan batin meminta saya menjalankan pekerjaan yang lain menurut sebagaimana yang telah saya dan rakan saya Encik Ishak bin Haji Mohammad², telah cadangkan semenjak setahun yang lalu.

Oleh yang demikian, pada 1 hari bulan Jun 1940, di bilik Ketua Pengarang Majlis telah sampailah waktu untuk

¹ Majlis ialah akhbar Melayu pertama diterbitkan iaitu pada 17 Disember 1931 di Kuala Lumpur. Pengarang Majlis pertama ialah Abdul Rahim Kajai (1931-1935). Ketika itu, Ibrahim Hj. Yaacob menjadi penulis sambilan di akhbar Majlis dan menggunakan nama samaran IBHY. Beliau kerap menulis rencana tentang kemajuan orang Melayu dan bahaya orang asing. Antara rencana yang ditulis oleh beliau seperti “Nasib Orang-orang Melayu di Bentong” (7 April 1932), “Wahai Insafflah Kepada Nasib Orang-orang Melayu” (12 Jun 1932), “Adakah Hak-Hak Melayu Dapat Diselamatkan” (14 November 1932), “Pelajaran Anak-anak Melayu” (24 November 1932) dan sebagainya. Ibrahim Hj. Yaacob menyandang jawatan pengarang Majlis bermula Mei 1939 – Jun 1940, rujuk Abdul Latif Abu Bakar. 1984. *Abdul Rahim Kajai Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 60.

² Sekarang Dr. Ishak Haji Muhammad, Percetakan Timur (PT).

menerima perubahan yang besar, bahkan satu perubahan yang diharapkan kepada kejayaan yang lebih luas lagi. Manakala kerusi yang saya kosongkan itu dipenuhi oleh YM Tengku Ismail bin Tengku Muhammad Yasin, seorang putera raja dan juga seorang penguam (tamatan London) dan Yang Dipertua pula kepada Persatuan Melayu Selangor (PMS).

Saya mengambil langkah baharu, iaitu berjalan mengembara menjelajah “Melihat Tanah Air” yakni menjelajah keseluruhan negeri-negeri Melayu di Tanah Semenanjung Melayu ini, bagi menyempurnakan satu siasatan (*research*) yang berhubung dengan hal ehwal bangsa saya orang Melayu, sekurang-kurangnya mendalami pengalaman fahaman atau pengertian saya sendiri bersangkutan dengan hal pergaulan, kemahuan dan politik bangsa sendiri. Saya mahu mengenal pembesar-pembesar, penganjur-penganjur bangsa dan tanah air, serta mengetahui serba sedikit hal ehwal kehidupan – ekonomi - orang Melayu.

Syukur kehadiran Tuhan yang telah memberikan sebaik-baik peluang, seelok-elok langkah kepada saya untuk berjalan melihat tanah air dan kaum suku bangsa di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini. Mudahan-mudahan akan memberi kegunaan yang besar kepada saya untuk bekerja, kerana bangsa dan tanah air pada masa yang akan datang. Bagi saya, tidaklah berapa mengambil berat sangat berapa banyak harga diri yang ada pada saya, oleh sebab saya rasa, pada masa ini, diri saya hanyalah seorang teruna yang telah berumur tua³; yang telah lama menghabiskan masa muda untuk mencari pengalaman dan fahaman kerana muslihat kemaraan kaum (bangsa) yang saya rasa diri dan hati saya tetap kepada tujuan yang asal.

Dan saya selalu bersyukur kepada Tuhan manakala sekali-sekala dapat menyempurnakan perkhidmatan kepada bangsa saya, dan saya berhajat hendak menyempurnakan

³ Usia Ibrahim Haji Yaacob (1940) mencapai 30 tahun dan masih bujang.

perkhidmatan yang lebih besar lagi, yang mana ada daya upaya kepada saya membuatnya.

Adapun yang saya hendak melihat di dalam penjelajahan “Melihat Tanah Air” ini, ialah hendak melihat orang-orang suku bangsa saya, serta beberapa perkara yang berhubung dengan bangsa dan tanah air, yang mana patut dapat saya kemukakan, akan dijadikan kandungan atau isi buku yang tidak sepertinya ini, untuk menjadi persembahan kepada seluruh umat Melayu yang saya cintai.

Saya berhutang budi yang teramat besar kepada beberapa orang tengku-tengku, raja-raja, datuk-datuk, tuan-tuan dan sahabat handai sekaliannya yang telah memberikan berbagai-bagai bantuan, sokongan di dalam masa penjelajahan saya melihat tanah air selama hampir setahun dengan mengelilingi Malaya dengan menaiki keretapi, motokar, kapal, menyewa perahu, naik basikal, menunggang gajah, berjalan kaki dan sebagainya. Sesungguhnya budi dan sokongan sekeliannya itu ialah ingatan yang berpanjangan selagi ada hayat saya di dunia ini.

Ibrahim Haji Yaacob
Singapura, 1 Mei 1941



KATA PENDAHULUAN KEDUA

ADAPUN BUKU KECIL BERJUDUL “MELIHAT TANAH AIR” yang menceritakan perjalanan saya berkeliling Semenanjung Tanah Melayu dari hujung selatan ke hujung utara dan sebaliknya, merantau kebahagian barat, tengah dan timur Semenanjung, melalui jalan-jalan raya dari barat ke timur dan dari timur ke barat berbalik selama dua tahun - 1940 – 1941.

Adapun penjelajahan saya di seluruh Malaya pada waktu itu (30 tahun dahulu) ialah atas dua tujuan iaitu:

- a. Untuk menggerakkan kesedaran bangsa Melayu supaya membangun persatuan bangsa (nasional) seluruh Malaya yang mana saya waktu itu sudah menjadi Presiden (Ketua) Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang saya sebut-sebut dalam syarahan saya di hadapan umum dan di sekolah-sekolah Arab dan pondok, dan di berbagai-bagai tempat di seluruh Semenanjung. Pokok syarahan saya menanamkan rasa persatuan bangsa Semenanjung Malaya, hingga beberapa persatuan pemuda Melayu dan persatuan pelajar mempersatukan diri dengan KMM yang menjadi satu-satunya persatuan bagi gerakan muda seluruh Malaya sampai ke Borneo Utara dan Kepulauan Riau pada zaman itu.
- b. Untuk menyasat hal ehwal kehidupan iktisad (ekonomi) orang Melayu seluruhnya yang dibiarkan terlantar oleh penjajah Inggeris yang memerintah dengan membuka negeri Melayu; sebagaimana saya huraikan dalam buku kecil ini yang waktu itu, dengan sangat berhati-hati, jangan sampai saya ditangkap oleh pemerintah Kolonial Inggeris. Kerana sedikit sahaja tersalah lidah, saya pasti akan ditangkap dan memang saya sedar ‘tunangan’ saya adalah penjara. Maka akhirnya juga, saya dan kawan dari pimpinnan KMM masuk penjara di Singapura pada akhir tahun 1941. Dan penggal kedua

daripada naskah buku “Melihat Tanah Air” ini dirampas oleh pihak polis bahagian *Criminal Intelligent Department* yang menahan saya, menyebabkan isi buku “Melihat Tanah Air” tidak tamat menurut rancangan semula yang telah saya tulis pada tahun 1941⁴ itu.

Maka segalanya ini saya susunkan kembali, menjadikan segala sesuatu yang saya lihat menurut pandangan saya, telah disusun ceritanya dalam sebuah buku kecil yang saya tulis dalam bahasa Melayu huruf Jawi dalam tahun 1941, sebelum saya ditangkap dan dipenjarakan oleh Inggeris di Singapura yang merupakan tahanan politik pertama di Malaya pada zaman itu. Naskhah asalnya ditemukan kembali oleh Encik Yusuf Nahar di Ipoh, Perak dan dikirimkannya kepada saya di Jakarta dalam tahun 1970 untuk diperbaiki dan ditambah separuhnya. Dan saya telah menyelesaikan perbaikannya pada akhir tahun 1971. Mudah-mudahan dijadikan pelajaran yang berguna bagi generasi muda zaman sekarang tentang Semenanjung di zaman penjajahan Inggeris pada zaman saya ikut berjuang untuk kemerdekaan bangsa dahulu itu.

Ibrahim Haji Yaacob (IBHY)

(Dr. Iskandar Kamel)

Jakarta, 27 November, 1971

⁴ Rakan kepimpinan KMM yang ditahan bersama IBHY tersebut ialah Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako). Menurut Mustapha Hussain mereka berdua ditangkap di Singapura pada awal Disember 1941, beberapa hari sebelum meletusnya Perang Pasifik. Beliau kemudiannya telah dibebaskan dari penjara sehari dua sebelum Singapura jatuh ke tangan Jepun, pada 15 Februari 1942, lihat Insun Sony Mustapha. 1999. *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum Umno*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 209.

KATA PENGANTAR

BUKU KECIL “MELIHAT TANAH AIR” ini telah ditulis dalam tahun-tahun 30-an oleh Cikgu Ibrahim bin Haji Yaacob, seorang guru sekolah Melayu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak.

Beliau telah dilahirkan di Kampung Kertau, sebuah kampung besar yang terkenal dalam daerah Temerloh, Pahang. Ayahandanya, Tuan Haji Yaacob (almarhum) ialah seorang guru agama dan tokoh masyarakat yang dihormati oleh orang kampung, para penghuni desa yang aman dan makmur di sepanjang Sungai Pahang, yang seperti Sungai Nil di negara Mesir, telah menjadi pusat sumber dan gelanggang berbagai-bagai peristiwa yang bersejarah.

Waktu Encik Ibrahim menuntut di MPSI, beliau telah bersua dengan ramai pemuda daripada daerah-daerah lain dalam Semenanjung Tanah Melayu, juga daripada Singapura, Serawak dan Brunei.

Daripada bumi sejuk di perbatasan antara Selangor dan Perak yang kaya dengan bijih timah, dan daripada rumah-rumah sekolah dan asrama yang kini terkenal dengan gelaran “Suluh Budiman”,⁵ bibit-bibit kesedaran nasional telah bercambah, dan kemudian tumbuh subur, membesar dan rendang.

Di sanalah Ibrahim Haji Yaacob telah bersua dengan Harun Aminurrasyid, Abdul Karim Rasyid, Hassan bin

⁵ “Suluh Budiman” atau lebih lengkap lagi “Pengetahuan Suluh Budiman” adalah moto bagi Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) atau Sultan Idris Training College (SITC) dan kini telah dinaikkan taraf sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Abdul Manan dan lain-lain serta berpuluh-puluh orang lagi pemuda-pemuda Melayu, yang kemudiannya telah pulang ke kampung masing-masing menjadi guru bagi anak-anak kaum bangsanya -bangsa Melayu- yang pada suatu masa di zaman silam, sebelum robohnya Kota Melaka, dan jatuh terjerumusny kerajaan Melayu Melaka akibat rempuhan-rempuhan dan penaka perancangan perhambaan besar-besaran oleh “manusia kulit putih” daripada negara “atas angin”, telah menjadi satu bangsa besar yang gagah perkasa di darat dan di laut, maju dan kaya dengan kebudayaan, kesenian, adat resam dan kesusteraannya.

Encik Ibrahim, yang pada masa beliau menjadi guru sekolah Melayu lebih terkenal dengan sebutan ‘Cikgu Brahim Haji Yaakub’ saja. Kemudiaannya lebih terkenal pula dengan sebutan pendek IBHY, sebab kegiatan beliau menulis rencana-rencana yang bernas mengenai soal-soal tanah air, bangsa dan negara dengan menggunakan nama pena atau nama samaran IBHY.

Riwayat hidup IBHY selanjutnya, kegiatannya dalam perkembangan politik di rantau ini, jasa-jasanya kepada tanah air, bangsa dan nusa kita, sudah banyak ada tercatat dalam buku-buku sejarah bahasa Belanda dan lain-lain. Dalam buku-buku itu, anda akan dapat membaca kegiatan-kegiatan beliau dalam Kesatuan Melayu Muda, dalam Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), dan dalam detik-detik penting perjuangan bangsa Melayu untuk melepaskan tanah air dan bangsa kita daripada belenggu dan perhambaan bangsa-bangsa penjajah.

Pada awal tahun 1945, sehari dua sebelum British telah berjaya merampas semula tanah-tanah jajahan dan takluknya di Semenanjung Tanah Melayu dan lain-lain dalam Benua Asia, yakni dengan kekalahan bala tentera Maharaja Jepun dalam Peperangan Asia Timur Raya, Encik Ibrahim telah

*mengungsi*⁶ ke Indonesia dengan ihsan sahabat-sahabat beliau di Singapura dan Indonesia.

Dengan menukar namanya kepada Iskandar Kamel, Encik Ibrahim telah menceburkan dirinya dalam Tentera Nasional Indonesia (TNI) dengan pangkat Leftenan Kolonel. Pada masa itu, rakyat Indonesia sedang berjuang hebat menentang bala tentera Belanda, yang seperti Inggeris, hendak merebut semula tanah jajahan dan takluk-takluknya yang kaya itu. Begitu pulalah rakan-rakannya yang lain, beratus-ratus orang pemuda nasionalis Melayu, dengan cogan perjuangan yang sungguh berhikmat pada masa itu iaitu “Malaya dan Indonesia Satu”. Seorang daripada rakan-rakan beliau, Major Karim Rasyid telah naik meningkat ke pangkat Brigedier, dan kemudian telah berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Indonesia di Manila, Bangkok dan Phnom Phen.

Hingga sekarang masih ada beribu-ribu orang anak Melayu dari Malaysia yang tetap bermastautin di Indonesia menjadi rakyat setia kepada Republik Indonesia.

Tidaklah perlu rasanya saya menyebut dengan panjang lebar darihal diri Encik Ibrahim Yaacob atau Dr. Iskandar Kamel pada masa ini, sebab ramai para penduduk Malaysia yang tahu banyak, malah lebih banyak dari yang diketahui oleh saya sendiri mengenai beliau.

Paling baru saya telah bertemu dengan beliau di Hotel Holiday Inn, Kuala Lumpur, dalam perjalanan beliau pulang ke Indonesia sesudah melawat kematian ibu muda beliau (mak udanya) di Jerantut Pahang, serta menziarahi kaum kerabat dan sahabat handainya di Pahang.

Dalam pertemuan singkat itu IBHY telah menyebut darihal penerbitan semula buku kecil “Melihat Tanah Air” ini. Kata beliau, “...dipandang daripada beberapa segi, *Melihat Tanah*

⁶ Melarikan diri.

Air (MTA) tak usahlah dicetak dan diterbitkan semula”. Tetapi tidak diterangkan apa “segi-segi” itu. Namun demikian, saya dapat menangkap bahwa isi MTA yang telah ditulis beliau hampir setengah abad yang lampau, pada anggapan beliau sekarang tidaklah berapa “bernas” atau “mendalam”. Oleh yang demikian, nama beliau atau ketokohan beliau sebagai pejuang bangsa dan tanah air akan terjejas sedikit.

Akan tetapi oleh kerana kuasa mencetak dan menerbitkan semula buku ini telah diberikan kepada saya, dan sesudah menimbangkan bahwa kepentingan sejarah dan kepentingan memberi pengetahuan kepada rakyat Malaysia sekarang mengenai sejarah adalah lebih besar dari “kepentingan-kepentingan peribadi” Dr. Iskandar Kamel atau IBHY, maka saya telah menguruskan pencetakan dan penerbitan semula MTA ini dengan Percetakan Timur (PT), iaitu sebuah percetakan kepunyaan bumiputera yang tunggal dan terbesar di negeri Pahang. Maka saya dengan sukacita memberikan isyarat “lampau hijau” kepada PT mencetak dan menerbitkannya, dan kemudian mengedarkannya seberapa luas kepada sekolah-sekolah dan kutub-kutubkhanah di seluruh tanahair, khususnya ke seluruh negeri Pahang, supaya moga-moga anak-anak Inderapura generasi sekarang boleh berasa lebih bangga dengan beberapa keistimewaan negerinya.

Ada beberapa bahagian dari kandungan MTA ini, yang pada pendapat saya, harus menarik perhatian para pembacanya. Sebagai satu contoh, hampir lima puluh tahun yang lampau Encik Ibrahim Haji Yaacob telah “bersungut” mengapa kawasan besar hutan rimba di bahagian timur selatan negeri Pahang ini tidak dibuka dan dimajukan oleh Kerajaan British? Kawasan yang dimaksudkan oleh beliau itu kini terkenal dengan nama Pahang Tenggara dengan Segamat, Johor sedang dibina. Berbagai-bagai perusahaan yang penting bagi kemajuan dan kemakmuran rakyat jelata masa hadapan sedang dimulakan, termasuk sebuah lombong permata.

Akhir kalam, saya suka memberi tahniah kepada Percetakan Timur, kepada Encik Zakaria bin Hitam AMN. PJK. JP dan lain-lain yang menguruskan penerbitan dan pengedaran buku MELIHAT TANAH AIR ini.

Dr. Ishak bin Haji Muhammad.

Ibu kota, 26 Julai, 1975.



“ORANG-ORANG SAYA”⁷: BUMIPUTERA SEMENANJUNG

TUJUAN SAYA MENJELAJAH MELIHAT TANAH AIR, terutamanya sekali ialah hendak melihat orang-orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini, termasuklah orang-orang Asli, iaitu sekumpulan manusia yang sama bangsa darahnya dengan orang Melayu - tetapi mereka jadi orang yang ketinggalan dengan kejahilannya - mereka tidak beragama, tidak bertamadun dan tidak berilmu pengetahuan.

Bagi menyempurnakan maksud ini, saya telah masuk ke tempat-tempat perhimpunan (perkampungan) orang Asli di beberapa tempat dalam kawasan negeri Selangor, Perak dan Pahang. Saya makan minum, tidur baring, mandi manda dengan mereka, kerana saya patut kenal dengan orang-orang saya (orang Melayu) yang masih jahil itu, meskipun diri saya tidaklah ada daya upaya masa ini hendak memberi sebarang bantuan kepada mereka. Akan tetapi barangkali orang lain akan dapat mencari ikhtiar, jika tidak pada masa saya, barangkali orang yang kemudian daripada saya boleh menjalankannya.

Sesungguhnya saya bolehlah berkata, yang saya telah biasa juga bercampur dengan orang-orang saya yang berpangkat tinggi hingga kepada kerabat-kerabat Diraja. Begitu juga dengan lain-lain bangsa yang ada datang ke Tanah Melayu ini telah biasalah juga saya berkawan-kawan, bersuka-suka dan menjalankan berbagai-bagai rundingan kesan perniagaan dan hal ehwal kehidupan masing-masing.

⁷ Frasa “orang-orang saya” dalam tulisan IBHY ini merujuk kepada bangsanya iaitu orang Melayu.

Tetapi apakah hal “orang-orang saya”? Di manakah mereka itu? Bagaimanakah kehidupannya? Adakah kelolaan atau organisasi yang boleh menyelamatkan mereka? Siapa dia pemimpinnya? Adakah dunia akan membiarkan sahaja nasib orang Melayu? Soal-soal inilah yang sentiasa terbayang di kepala saya semenjak kira-kira sepuluh tahun yang lalu (semenjak tahun 1928-1929).


Maka dalam percampuran dengan orang-orang saya yang mulia dan tinggi tarafnya, dan dalam pergaulan dengan lain-lain bangsa tidaklah dapat mengenal akan orang-orang saya, kerana sepanjang masa orang yang mulia dan kaya itu leka mencari ikhtiar hendak mengekalkan dan meninggikan pangkatnya, hingga lupa mereka akan hal ehwal orang yang boleh meninggikan pangkatnya, iaitu rakyat jelata. Dan dengan orang-orang asing itu, tentulah mereka ada kewajibannya dengan bangsanya atau dengan orangnya pula.

Maka setengah daripada pandangan saya terhadap orang-orang Asli, hal ehwal orang Melayu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang dan lain-lain juga, telah biasa disiarkan oleh majalah *Utusan Zaman* dan akhbar *Utusan Melayu*, yang mana saya patut berterimakasih kepada penerbit dan pengarangnya.

Dalam pada itu dapatlah saya tambahkan di sini, tentang maksud saya yang lain menjelajah ke negeri-negeri di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini, iaitu sebagai Yang Dipertua Agong Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1937. Maka saya mengajak semua persekutuan belia-belie Melayu Seantero Malaya bersekutu menjadi satu perkumpulan se-Malaya. Maka perjalanan saya menjelajah tiap-tiap negeri Melayu itu akan mengadakan rundingan dengan perkumpulan murid-murid sekolah agama, pondok-pondok, persekutuan belia-belie Melayu, yang hendak saya ajak bersatu padu, supaya dapat mendirikan “Melayu Raya”. Untung nasib bangsa Melayu ada pada pemuda-belianya dengan yakin pada keadilan Kerajaan Inggeris.

DI MANA ORANG-ORANG MELAYU?

“ALAM MELAYU” ERTINYA kawasan tanah pusaka bagi rumpun bangsa Melayu, iaitu: Pulau-pulau Sumatera, Jawa, Sulawesi, Pulau Brunei (Kalimantan), kumpulan Pulau-pulau Maluku dan kumpulan Pulau-pulau Sunda Kecil. Kawasan ini dinamakan Indonesia. Kepulauan Filipina dan Semenanjung Tanah Melayu yang digelar Malaya. Semua tempat-tempat itulah yang dinamakan “Alam Melayu (*The Malay World*)”.



قنا تانه ملايو دان اندونيسيا مشجوقكن فومة ٢٠ فرکباغن اوکام دزمان قرب

Peta 1: Peta Alam Melayu.

Sumber: Koleksi peribadi penyunting.

Buku saya ini khas menghuraikan tentang pandangan saya di Semenanjung Tanah Melayu dan orang-orang saya yang ada di dalamnya sahaja, iaitu di Malaya. Di mana orang-orang saya? Tatkala menyebut soal ini, terkenanglah akan makalah saya yang disiarkan oleh akhbar *Warta Negeri* dua belas tahun yang lalu (1929), pada masa umur saya masih lapan belas tahun, sedang menjadi penuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim, iaitu satu makalah saya yang mana berjudul seperti pertanyaan di atas. Kandungannya menyebabkan kesedihan disebabkan orang-orang Melayu undur dari kawasan bandar, tidak ada kawasan perniagaan di negerinya sendiri.

Rupa-rupanya soal ini tidaklah selesai meskipun sudah dua belas tahun lamanya. Sekadar berlainan jalan huraiannya sahaja, tentang kehendak (masalah)nya sama juga, iaitu “di mana orang-orang saya?” Bahkan selama dua belas tahun ini orang-orang saya itu tidaklah beransur mara mengambil tempat-tempat yang telah ditinggalkannya, bahkan sedar sahaja akan hal kedaifan dan kehinaan atau kemiskinan hidupnya.

Sekarang ini tinggalah orang-orang saya itu di kampung-kampung atau di ulu-ulu negeri. Pasar-pasar perniagaan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini semuanya sekali dalam tangan orang asing. Maka sebahagian ramai daripada mereka yang telah sedar akan hal ini telah menyalahkan orang-orang asing dan datang perasaan benci kepada orang asing.

KERJASAMA SEMUA BANGSA

SESUNGGUHNYA FIKIRAN INI SEMATA-MATA KHILAF, kerana kita wajib bekerjasama dengan semua bangsa atau semua orang yang ada di tanah air kita ini, sekadar yang dikehendaki. Hendaklah mereka orang asing itu mengenal tanah air orang Melayu sebagaimana orang Melayu mengenal tanah air nenek moyang mereka bangsa-bangsa asing itu.

Makanya yang wajib dituntut oleh orang-orang saya itu ialah keadilan dunia, yang mana sekarang kedudukan orang-orang saya itu bolehlah dikatakan dalam keadaan cemas; “tanah air meskipun ada, serupa tidak keadaannya.”

Sebab-sebab yang menjadikan orang-orang saya berkeadaan tanah air, ada serupa tidak ada, ialah kerana kehidupannya terdesak. Maka yang mendesaknya itu ialah:

- i. Pemodal luar,
- ii. Buruh (kaum pekerja) daripada luar dengan bawaan pemodal luar, dan
- iii. Barang-barang dari luar dengan bawaan pemodal dan buruh daripada luar, iaitu untuk membuka negeri ini dengan seluas-luasnya dengan tidak menghiraukan hal kehidupan orang-orang saya.

Adapun kehidupan orang-orang saya pada masa ini dengan keadaan yang terbiar begitu sahaja. Perusahaannya tertinggal dan beransur-ansur hilang, pekerjaannya semakin kurang oleh sebab perusahaannya banyak yang telah mati, kaum buruhnya tidak ada sebarang pengelolaan untuk menjaga keselamatan mereka dan modalnya memang tidak ada.

Oleh sebab bangsa Melayu ialah satu bangsa yang tidak membina kekuatan bangsanya dengan modal (emas dan ringgit), bangsa saya mengenal modal ialah sesudah negeri ini diperintahkan (dijajah) oleh pemerintah kaum kapitalis, dan hak kuasa raja-raja Melayu - yang memerintah dengan memakai kuasa Maharaja (Inggeris) - yang bergantung pada ikatan muafakat orang besar-besar itu, sudah pula diserahkan kepada naungan Kerajaan Inggeris yang adil.

Maka dengan masuknya pemodal luar dan datangnya buruh luar untuk menyempurnakan kehendak-kehendak dasar membuka negeri ini, maka rosaklah kehidupan bangsa Melayu yang belum mengerti hal ehwal modal yang sebenarnya. Kesedaran mereka pada masa ini bukanlah dengan sebab pelajarannya atau dengan sebab kepandaian (*knowledge*), tetapi ialah dengan desakan kehidupan yang semakin bertambah sukar.

Keadaan yang sebenarnya sekarang ialah budi pekerti orang-orang saya telah rosak. Mereka telah tidak mengerti lagi hendak berikat atau bersekutu kerana faedah bersama. Mereka gemar kepada hidup membawa untung nasibnya masing-masing sahaja.

Meskipun seruan-seruan mengajak pada menjalankan pekerjaan bersama (gotong-royong) telah berpuluh-puluh tahun diserukan oleh akhbar-akhbar Melayu, tetapi orang-orang saya terus membawa perasaan untuknya sendiri-sendiri sahaja, iaitu menjadi satu bukti yang besar menunjukkan bagaimana besarnya kerosakan budi pekerti orang Melayu pada masa ini. Hinggakan mereka tidaklah dapat dibawa muafakat. Beberapa persekutuan yang hidup membawa pertelagahan (pertentangan) faham dengan persekutuan yang lain. Beberapa hal perniagaan yang semata-mata haluannya kerana dirinya seorang sahaja.

Maka di sinilah pula menyebabkan layunya perniagaan bangsa Melayu; oleh sebab ketiadaan modal, kerana

enggan mengadakan ikatan bersekutu sesamanya sendiri. Istimewa pula fahaman-fahaman yang berlainan di antara satu pihak dengan yang lain, hingga hiduplah orang-orang Melayu dengan keadaan yang bercempera (berpecah-pecah) tidak ada sesuatu tujuan atau pegangan kebangsaan (nasionalisme) yang boleh dipegang oleh mereka, melainkan ikut kehendaknya masing-masing sahaja.

TIADA PENGELOLAAN?

OLEH SEBAB KEHIDUPAN YANG BERCEMPERA seperti tersebut di atas, maka tidaklah dapat diadakan satu pengelolaan bagi kehidupan yang sempurna bagi menyusun semula akan kehidupan bangsa Melayu yang telah rosak. Sebab-sebab yang besar ialah kerana ketiadaan pimpinan yang benar-benar bagi bangsa Melayu yang boleh memberikan pimpinan yang saksama hingga tiada kuasa menyatukan perasaan dan tujuan hidup orang-orang Melayu itu.

Sesungguhnya ada juga lahir orang yang gemar hendak memimpin bangsanya, iaitu terbit daripada putera-putera Diraja dan anak-anak pembesar negeri. Akan tetapi disebabkan oleh kehidupan orang-orang Melayu telah rosak dan mereka tidak berkehendak pimpinan cara lama, tetapi berkehendakkan kepimpinan cara baru, menyebabkan tidaklah berhasil maksud sebahagian daripada pemimpin-pemimpin orang Melayu itu.

ADAPUN PEMIMPIN-PEMIMPIN BARU YANG DIKEHENDAKI IALAH mereka yang menetapkan perasaan kebangsaan Melayu dengan membawa fahaman-fahaman yang sebenar berhubung dengan hak yang sama rata dan sama rasa di antara bangsa Melayu dengan bangsa-bangsa asing yang ada di dunia ini. Dengan demikian dapatlah dunia mengakui akan hak kewatanan bangsa Melayu (*the national right of the Malays*) pada masa yang akan datang.

Buku *Melihat Tanah Air* adalah buku 'haram' sejouris penerbitannya pada tahun 1941 kerana isi kandungan buku ini mengkritik polisi penjajah Inggeris sewaktu mentadbir Tanah Melayu. Polisi kerajaan Inggeris waktu itu telah meminggirkan orang Melayu dalam banyak aspek kehidupan khususnya dari segi ekonomi dan peluang pekerjaan sehingga orang Melayu terhimpit dalam kemiskinan berbanding orang asing.

Kemasukan pemodal asing – yang memiliki dana yang besar, pengetahuan dan teknologi yang terkini -disertai dengan kemasukan buruh asing tanpa kawalan dan sekatan, telah menyebabkan bukan hanya peluang pekerjaan rakyat tempatan dipinggirkan malah perbendaharaan dan hasil mahsul tanah air yang bertuah ini tidak dapat dinikmati oleh anak tempatan – orang Melayu - yang berputih mata melihat ia dikaut oleh orang luar. Inilah yang didedahkan oleh Ibrahim Haji Yaacob (IBHY) menerusi pengembaraan beliau 'melihat tanah air' ke seluruh negeri-negeri Tanah Melayu pada tahun 1940.

IBHY tidak hanya 'melihat tanah air' dalam hal bersangkut dengan hal ehwal orang Melayu malah meninjau perjalanan dan pentadbiran kerajaan Inggeris di Tanah Melayu, lansung disertai dengan kritikan.

Rentetan daripada itu, pergerakan politik IBHY telah dicantas, Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang dipimpinnya, diharamkan malah beliau dihumban ke penjara.

Buku ini wajar dibaca oleh generasi hari ini yang mungkin kurang mengenali IBHY, atau kalau pun mengenalnya hanya pada nama, tidak kepada sumbangannya dalam politik kemerdekaan tanah air, ideologi politik dan penulisan-penulisannya. Semoga penerbitan semula buku ini dapat memberi maklumat dan gambaran sebenar hal ehwal tanah air pada masa lampau, di samping mengenang kembali sumbangan IBHY.

Wacana



ISBN 978-967-17803-3-6

